

# Bangunan baru Puspanita lambang kejayaan kaum wanita — Dr. Hasmah

UM 15 AUG 2002

PUTRAJAYA 14 Ogos — Pembinaan bangunan baru Puspanita di sini yang akan dikenali sebagai Puspanita Puri merupakan lambang kejayaan kaum wanita khususnya ahli-ahli persatuan itu.

Penaung Puspanita, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berkata, bangunan berkonsepkan *garden city* itu dibina di kawasan seluas 1.25 hektar dan dijangka siap pada September 2003.

Beliau berkata, pembinaannya menelan belanja RM30 juta dan ia dilengkapi dengan dewan bankuet, hostel, bilik pejabat, kuarters serta dikelilingi oleh bangunan-bangunan kerajaan.

“Ia akan dijadikan sebagai ibu pejabat baru Puspanita dan mengambil alih bangunan lama di Jalan Hose, Kuala Lumpur. Dewan di dalamnya boleh disewa oleh pihak yang berminat untuk mengadakan majlis,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pecah Tanah tapak bangu-

nan itu di sini hari ini. Turut hadir ialah Penaung Puspanita Cawangan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datin Seri Endon Mahmood dan Yang DiPertua Puspanita Kebangsaan, Puan Sri Suslita Abdul Majid.

Dr. Siti Hasmah berkata, pembinaan bangunan baru itu adalah untuk menampung peningkatan ahli-ahli Puspanita yang menjangkau 56,000 orang serta menjalankan pelbagai aktiviti.

Menyingkap sejarah penubuhan Puspanita, Dr. Siti Hasmah berkata, idea penubuhannya diilhamkan pada tahun 1975 oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu menjadi Menteri Pelajaran.

“Kami sekeluarga bercuti ke Indonesia, di sana kami dapati isteri-isteri kakitangan kerajaan negara itu mempunyai satu persatuan yang dikenali sebagai Dharmawanita yang bergiat aktif,” katanya.

Tambahnya lagi, melalui idea itu, tertubuhnya Puspanita iaitu sebuah persatuan untuk isteri kepada kakitangan dan pegawai kerajaan, pada tahun 1983.

Puspanita katanya, sentiasa bergiat aktif terutama dalam menganjurkan majlis-majlis amal dan kutipan derma untuk disimpan bagi kegunaan ahli-ahli yang memerlukan melalui Tabung Latihan (pendidikan) dan Puspadara (kanser).

Beliau berkata, walaupun tabung kebajikan Puspanita itu untuk kegunaan ahli-ahli, namun separuh daripada hasil kutipan derma akan disalurkan kepada rumah-rumah kebajikan.

Puspanita katanya, sentiasa berpancangan jauh dengan merancang program-program yang meliputi bidang kepenggunaan, kesihatan, teknologi maklumat, undang-undang, keusahawanan, alam bina dan alam sekitar.